

19 JUN 2003

Kastam-Sabah

RESTORAN/HOTEL TIDAK LAGI BOLEH PUNGUT CUKAI PERKHIDMATAN

KOTA KINABALU, 19 Jun (Bernama) -- Kastam cawangan Sabah hari ini mengingatkan pengusaha restoran dan hotel supaya tidak lagi mengutip cukai perkhidmatan sebanyak lima peratus daripada pelanggan, kata pengarah jabatan itu Hassan Arshad.

Beliau berkata mengikut Strategi Baru Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas, kerajaan telah mengecualikan cukai perkhidmatan di hotel dan restoran mulai 1 Jun sehingga 31 Dis tahun ini.

"Kita terima laporan masih ada hotel dan restoran yang mengenakan cukai itu kepada para pelanggan mereka," katanya pada sidang media di sini petang ini.

Hassan juga berkata pengusaha restoran dan hotel yang telah mengutip bayaran itu selepas 1 Jun lepas, dikehendaki memulangkan kutipan itu kepada kerajaan kerana ia merupakan hasil kerajaan.

Beliau yang ditanya punca pengusaha hotel dan restoran masih mengenakan cukai perkhidmatan itu, Hassan berkata: "Satu, ada yang masih tidak tahu mengenai arahan itu dan kedua ada yang tahu tetapi memungut cukai itu dengan harapan dapat "masuk saku sendiri."

Mengenai rampasan, beliau berkata jabatan itu mengambil tindakan ke atas 692 kes yang melibatkan rokok putih dan rokok kretek yang masing-masing bernilai RM188,727.00 dan RM165,855.50, antara Januari dan Mei lepas.

Selain itu, Hassan berkata Rabu lepas, jabatan itu merampas 54 guni beras Vietnam dan 20,000 batang rokok di Felda Sabahat, Lahad Datu, bernilai RM2,600.

Ditanya mengenai kemungkinan pelabuhan di Sabah menjadi pintu masuk penyeludupan cakera padat video (VCD) lucah dan cetak rompak ke Malaysia, Hassan berkata jabatan itu akan memantau kegiatan terbabit.

Beliau berkata penyeludupan VCD sukar dikesan walaupun pelabuhan di sini mempunyai mesin pengimbas kerana pemeriksaan terpaksa dibuat secara rawak ekoran jumlah kontena yang banyak yang perlu dikendalikan.

Hassan bagaimanapun berkata jabatan itu berjaya merampas 630 unit VCD dan Cakera Video Digital (DVD) di sebuah pejabat pos yang cuba diseludup masuk Disember lepas.

-- BERNAMA

MK LAT